

TARIKH	11/7/2017	SEKSYEN	DALAM NEGERI
MUKA SURAT	4	RUANGAN	

Tabung Haji lancar aplikasi percuma THIJARI 2.0

KUALA LUMPUR 10 Julai - Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) kini melancarkan aplikasi terbaru iaitu THIJARI 2.0 bagi memberi kemudahan kepada lebih sembilan juta pendeposit dan bakal jemaah dalam urusan pengurusan haji.

Pengerusinya, Dato' Seri Abdul Azeez Abdul Rahim berkata, aplikasi yang dilancarkan hari ini adalah kesinambungan daripada aplikasi terdahulu yang dilancarkan pada 2014.

Katanya, aplikasi yang dibangunkan ini mempunyai pelbagai kemudahan baharu termasuk membolehkan pendeposit mengemak status pendaftaran dan tarikan haji terus di telefon pintar mereka.

"Hal ini kerana menyojori

akan kepatutan dunia tanpa sempadan serta jumlah pengguna telefon pintar di Malaysia yang dijangka mencecah 17.8 juta penghujung tahun ini serta peningkatan pendeposit dalam kalangan orang muda.

"Selain itu, pengguna juga boleh mengemas kini urusan akaun pendeposit termasuk pindahan wang, pendaftaran dan semakan keahlian Kelab Taha, informasi, direktori, berita dan promosi terkini serta e-Majalah," katanya selepas majlis sambutan Aidilfitri dan pelancaran aplikasi THIJARI 2.0 di sini hari ini.

Yang turut hadir ialah Pengerah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dato' Seri Ichan Abdullah dan isteri, Datin

Seri Putri Hasiba Megat Hassan serta Pengerah Urusan Kumpulan Utusan, Datin Mokki Noordin Abbas.

Abdul Azeez berkata, lebih menarik lagi, aplikasi ini menawarkan perkhidmatan baharu iaitu MyO TH yang membolehkan pelanggan mendapatkan nombor giliran secara atas talian dan memilih cawangan berdekatan bagi membuat urusan tanpa perlu membazir masa menunggu tempoh giliran yang lama.

"Aplikasi THIJARI 2.0 boleh dimuat turun menerusi Google Play dan App Store secara percuma bagi kemudahan pendeposit dalam pelbagai urusan dengan hanya di hujung jari," katanya.